

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kuarantin sendiri masih diperlukan kawal jangkitan

Asingkan pesakit antara faktor kejayaan negara hadapi pandemik

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
 yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Belum ada keperluan untuk menamatkan arahan kuarantin sendiri dalam kalangan individu disahkan positif COVID-19, demikian tegas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.


Katanya, arahan sedia ada seperti termaktub dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) masih terpakai, selagi tiada perkembangan terbaru diumumkan kerajaan.

Beliau juga berpandangan pemakaian arahan sedia ada perlu dikekalkan, biarpun ada negara luar yang dikatakan sudah tidak menguatkuasakan perintah sedemikian.

"Selagi pelaporan (dijangkiti COVID-19) dibuat, maka mereka perlu menjalani kuarantin, sekurang-kurangnya tiga hari sebelum menjalani *test and release* (saringan semula)."

"Ini memang amalan kita dan ia antara faktor kejayaan yang menyaksikan masalah pandemik ketika ini sangat terkawal. Individu positif *isolate* (diasingkan) sehingga mereka disahkan negatif (COVID-19)."

"Bagi saya kita kekalkan dahulu (arahan kuarantin) sehingga semakin semula (prosedur



Khairy menyaksikan penyerahan replika cek sumbangan Pakar Dermatologi dan Pengerusi KO Academy Datuk Dr Ko Chung Beng (dua dari kiri) kepada Persatuan Ekzema Malaysia yang diwakili Pakar Dermatologi Dr Evelyn Yap (kanan) selepas merasmikan Konvensyen Perubatan Dermatologi dan Estetik Asia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

operasi standard) pada akhir tahun ini, apabila Akta 342 tamat tempoh (untuk mengawal selia penularan COVID-19)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Perubatan Dermatologi dan Estetik Asia (ADAMS) di sini, semalam.

UK tamatkan arahan

Beliau mengulas desakan beberapa kakitangan yang mahu arahan kuarantin membabitkan pesakit COVID-19 dihentikan susulan beberapa kakitangan dikenal pasti menipu dalam pelaporan kes terbabit.

Malah, desakan itu timbul selepas United Kingdom (UK) dikatakan menamatkan arahan sedemikian ke atas individu disahkan positif COVID-19.

Kerajaan sebelum ini, mene-

tapkan supaya pesakit COVID-19 diwajibkan menjalani arahan kuarantin selama tujuh hari sejurus keputusan ujian positif diterima.

Individu disahkan positif COVID-19 bagaimanapun boleh dilepaskan bermula hari keempat jika ujian saringan semula berkeputusan negatif dengan ujian berkenaan perlu dilakukan menggunakan ujian Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen COVID-19 yang diselia pengamal perubatan.

Mengulas dakwaan kakitangan memanipulasi pelaporan COVID-19, Khairy menyifatkan kes sedemikian sebagai terpercil, selain menjelaskan belum menerima sebarang aduan mengenai salah laku terbabit.

"Sekarang ini kita semua bergantung kepada integriti ma-

sing-masing, terutama ketika negara memasuki fasa Peralihan ke Endemik. Kita serahkan semua kepada kebertanggungjawaban individu dan solidariti masyarakat.

"Inilah pendekatan yang dipersetujui. Kita mesti jujur dengan setiap laporan, sama ada benar atau tidak, ia bergantung kepada integriti individu terbabit," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, tiada keperluan menubuhkan jawatankuasa khas bersama Kementerian berkaitan bagi memantau aktiviti membabitkan industri kecantikan dan estetik.

Ini kerana, katanya, terdapat garis panduan bagi tujuan demikian, selain menegaskan aktiviti kawal selia dan penguatkuasaan perlu dibuat secara serius.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

27 premis makanan diarah tutup sekitar Selangor

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengarahkan 27 premis makanan ditutup dan 224 notis kesalahan dikeluarkan dalam Operasi Penguatkuasaan Premis Bersih dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Sha'ari Ngadiman, berkata tindakan penguatkuasaan ke atas premis itu dilakukan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di Bandar Baru Selangor, Batu Caves dan kawasan sekitarnya.

Katanya, sebanyak 165 premis makanan, sebanyak 319 notis kesalahan dikeluarkan dengan tawaran kompaun bernilai RM185,650.

"Bagi penguatkuasaan premis bersih, sebanyak 64 notis kesalahan tidak mematuhi kehendak berkaitan tugas am tuan punya, pemilik atau penghuni premis makanan manakala 58 notis yang berkaitan kepatuhan dalam pelupusan sampah.

"Sebanyak 51 notis pengendali makanan tidak memakai penutup kepala, apron dan kasut, 16 notis tidak mematuhi kebersihan premis makanan, 12 notis berkaitan kebersihan diri pengendali makanan.

"Juga kesalahan lain seperti tidak membuat pendaftaran premis makanan serta tidak mempamerkan perakuan pendaftaran, tidak mematuhi kehendak singki cuci tangan, pengendalian makanan, perkakas dan cara penyimpanan makanan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Sha'ari berkata, bagi penguatkuasaan PPKHT 2004, sebanyak 95 notis dikeluarkan membolehkan 67 notis bagi kesalahan mengikut Peraturan 11 (1), iaitu merokok di tempat makan atau kedai berhawa dingin.

"Sebanyak 24 notis di bawah kesalahan Peraturan 12 (1), kegagalan mempamerkan tanda larangan merokok di premis.

"Dua notis di bawah Peraturan 13 (1), iaitu larangan mengenai merokok terhadap orang dewasa serta satu notis di bawah Peraturan 9 (1), iaitu menjual rokok dalam paket yang dibuka.

"Satu notis di bawah Peraturan 14 (1), iaitu kegagalan mempamerkan tanda larangan menjual hasil tembakau di kaunter yang mana hasil tembakau dipamerkan atau ditawarkan untuk jualan," katanya.

Katanya tindakan mahkamah boleh dikenakan jika individu yang dikenakan notis berkenaan tidak menjelaskan kompaun.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun bagi kesemua kesalahan," katanya

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM terima 103 aduan penyedia khidmat estetik

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) telah menerima sejumlah 103 aduan mengenai fasiliti yang menawarkan perkhidmatan estetik antara Januari hingga Ogos tahun ini.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, laporan itu melibatkan kesan advers termasuk kecacatan dan kematian akibat prosedur estetik yang dilakukan oleh pengamal dan bukan pengamal perubatan tidak cekap.

Beliau berkata, prosedur perubatan estetik, terutama yang invasif dan invasif minimum hanya boleh dijalankan oleh pengamal perubatan berkelayakan di premis berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan KKM telah melaksanakan libat urus dengan pihak berkepentingan bagi memahami situasi dengan lebih jelas dan

untuk membangunkan peraturan yang akan melindungi orang awam serta tidak menghalang perkembangan industri ini.

"Mengawal selia industri ini memberi faedah memandangkan pengamal tidak sepatutnya dibenarkan melanggar prosedur perubatan," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Dermatologi dan Perubatan Estetik Asia (ADAMS) 2022 yang julung kali dianjurkan pada Sabtu.

Sementara itu, bercakap pada sidang media, Khairy berkata, KKM akan mencadangkan konsesi ditenderkan bagi pembinaan tempat letak kereta bertingkat di hospital yang memerlukan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, ketika ini kementerian sedang membuat pemetaan hospital yang berdepan masalah kekurangan tempat letak kereta kritikal seperti Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Serdang.

"Apabila pemetaan (selesai) dibuat,

kita akan bincang dengan EPU (Unit Perancang Ekonomi) untuk pembinaan. Sebab itu adalah satu cara untuk kita memaksimumkan kawasan terhad dengan kemudahan tempat letak kereta bertingkat seperti yang kita buat di Hospital Kuala Lumpur," katanya.

Mengulas isu lain, Khairy berkata, KKM tidak merancang mengkaji semula tempoh kuarantin wajib Covid-19 selama lima hari dan hanya akan berbuat demikian apabila penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 berakhir hujung tahun ini.

"Sekarang kita semua bergantung pada integriti masing-masing. Apabila kita masuk ke fasa peralihan ke endemik, kita serah kepada kebertanggungjawaban individu dan solidariti komuniti. Jadi inilah pendekatan yang telah kita per-setujui dan kita mesti jujur dengan apa sahaja laporan yang kita buat," katanya.

- *Bernama*

AKHBAR :NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

CONTRIBUTIONS TO SURGERY

Health D-G receives Edinburgh accolade

EDINBURGH: Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah was awarded the 2021 Royal College of Surgeons of Edinburgh's (RCSEd) International Medal in recognition of his contributions to surgery in Malaysia.

He received the medal from RCSEd president Professor Michael Griffin OBE at a dinner at the college in Edinburgh to welcome their honorary fellow, the Yang Di-Pertuan Besar Negri Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir, who is also the royal chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.

Accompanying him was Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Almarhum

Tengku Besar Mahmud.

According to Griffin, it was a well-deserved medal for Dr Noor Hisham's outstanding services in the field of surgical care.

"This award represents the culmination of hard work, dedication, and sacrifice from Dr Noor Hisham, who has made such a difference to the lives of patients in Malaysia."

Dr Noor Hisham, who in 2018 received the Fellowship Ad Hominem of the RCSEd, said he was honoured to receive the recognition and hoped that Malaysia would be a model to other countries in ways to train experts to help surgeries in rural areas.

"Our country is championing the cause of global surgery and

we have adopted and embraced creative ideas and innovation to increase the quality of surgery in our country as well as to provide surgery in rural areas.

"This collaboration has improved and increased the capacity of our country and our country has become a role model for lower middle-income countries," said Dr Noor Hisham after receiving the award.

He added: "Our health minister has been appointed as vice-president of World Health Assembly and the first vice-chair of executive board and we can actually push this agenda of global surgery to increase the quality of care in terms of affordability, access and equity of global surgery



(From left) Royal College of Surgeons of Edinburgh president Professor Michael Griffin OBE, Yang Di-Pertuan Besar Negri Sembilan Tuanku Muhriz and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah at a dinner at the college in Edinburgh, Scotland. PIC BY ZAHARAH OTHMAN

to lower middle-income countries. If you look into the data, 30 per cent the global disease burden are surgical based. Therefore, it is important for the World

Health Organisation to focus on global surgery to improve the quality of care particular in lower middle-income countries." **By Zaharah Othman**

AKHBAR : SUNDAY STAR
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : NATION

Quarantine rules to stay till year-end

KJ: Public compliance has played key role in keeping pandemic under control

By JOSEPH KAOS Jr
 joekaosjr@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: There will be no changes to the Health Ministry's Covid-19 quarantine rules – at least until the end of the year, says its minister Khairy Jamaluddin.

Currently, individuals who test positive for Covid-19 are required to undergo seven days of home quarantine, but they can be released if they test negative on the fourth day.

"One of the reasons why we are able to keep the pandemic under control today is the people's adherence to these quarantine rules.

"When a person tests positive, they isolate themselves for seven days. If they test negative on the fourth day, they can be released.

"For now, we will maintain this until the end of the year when Act 342 is no longer enforced," Khairy told reporters here when asked to comment on the decision by certain countries to remove mandatory quarantines due to concerns about the lack of manpower at workplaces.

Earlier, Khairy launched the Asia Dermatology & Aesthetic Medicine Summit (Adams) 2022 here.

The minister also stressed the need for increased enforcement against beauty centres adminis-

trating invasive medical procedures.

"While aesthetic clinics are under our ministry's jurisdiction, beauty centres fall under the purview of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

"For the aesthetics industry, we already have a guideline. But our concerns are on beauty centres that are not under our purview.

"The Health Ministry and Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry constantly have discussions with each other to ensure procedures conducted at beauty centres are not medical and are not invasive procedures involving skin penetration.

"We have received many complaints from customers about procedures done on them by unscrupulous centres, and this needs to be looked into seriously," he added.

Khairy said his ministry received 103 complaints against aesthetics service providers from January to August this year.

Meanwhile, in a light moment with reporters, he joked that the uncertainty surrounding his election candidacy was among the "concerns" bothering him going into the 15th General Election (GE15).

Khairy was asked by a reporter what the "concerns", besides floods, that were discussed in Wednesday's

Cabinet meeting regarding GE15. "Concerns? I still have no seat to contest in," Khairy replied, triggering laughter among the reporters.

The presser then ended without him elaborating.

The Rembau MP is speculated to be moving to a different constituency in GE15.

This was after it was made known that Umno deputy president Datuk Seri Mohamad Hasan, who is Rembau division chief, is eyeing the parliamentary seat.

The former Negri Sembilan menteri besar is the assemblyman for Rantau and is looking to move to a federal seat in GE15.

Low side effects from Covid-19 vaccines

By TAN SHIOW CHIN
 starhealth@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of suspected serious adverse effects reported by healthcare professionals after Covid-19 vaccination in Malaysia is 1,852, or 26 reports per one million doses administered (0.0026%).

According to the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPR), the most frequently reported serious side effects were shortness of breath, chest pains, palpitations and anaphylactic (allergic) reactions.

About one-third of the reports – 611 in total – involved deaths.

However, investigations to date by the healthcare facilities involved were unable to directly link the vaccine administered to the cause of death.

A total of 26,377 suspected adverse effects following vaccination (AEFIs) for Covid-19 were reported to the NPR by healthcare professionals as of June 10.

This is 371 reports per one million doses administered (0.0371%).

The remaining 24,525 AEFIs (93%) were deemed as non-serious, i.e. short-term and not a threat to the patient's health.

There were 208 suspected AEFIs per one million doses (0.0208%) reported in adolescents aged 12 to 17.

Of these, 14 per one million doses (0.0014%) were considered serious.

For children aged five to 11, a total of 148 suspected AEFIs per one million doses (0.0148%) were reported, with 94% of them considered non-serious.

Both reported that AEFI rates for adolescents and children were less than those for adults and the overall reported rate.

"When we are vaccinating millions of people, there will be some who have some adverse effects... but a lot of other things can also happen to that person."

Datuk Dr Christopher Lee

A total of 978,401 reports of minor AEFIs were made through the MySejahtera app.

This comprises 13,778 responses per one million doses administered (1.378%).

These include common side effects such as pain at the injection site, headache, fatigue, joint or muscle pain, lethargy and fever, all of which disappear after a few days.

Each side effect is considered one response, so an individual may report more than one response.

Every suspected AEFI reported by healthcare professionals to the NPR is investigated by the healthcare facility involved, it said.

These investigation reports are then reviewed by the Covid-19 Vaccines Pharmacovigilance Special Committee, followed by the Malaysian Adverse Drug Reactions Advisory Committee.

According to the NPR, while AEFIs may occur soon after Covid-19 vaccination, they are not necessarily caused by the vaccine.

Consultant infectious diseases physician Datuk Dr Christopher Lee said: "When we are vaccinating millions of people, there will be some people who may actually have some adverse effects – which is why we are collecting data – but a

lot of other things can also happen to that person."

He added that this was particularly so when it came to older adults, who could have undiagnosed medical conditions.

As an example, Dr Lee shared how his medical school roommate, who was 62 and apparently healthy aside from having high blood pressure, passed away suddenly during an afternoon nap.


"But if they are young people who die or have unexpected side effects that are not predictable, then we should consider the vaccine.

"So, I think that while it is important to take anecdotal studies into account, in the end, we have to look at the data. We are now out of this pandemic because of vaccination," he said.

Vaccination, he added, was the "nuclear bomb", while other precautionary measures such as hand-sanitising, face masks and physical distancing were like guns and knives in the war against Covid-19.


Suspected Covid-19 AEFIs

The number of adverse events following immunisation (AEFIs) as reported to the National Pharmaceutical Regulatory Agency up to June 10, 2022.



AEFIs according to age

The number of adverse events following immunisation (AEFIs) with a Covid-19 vaccine per one million doses, according to age group.



A total of 71,011,667 Covid-19 vaccines were administered as of June 10, 2022, including 5,867,031 shots in adolescents and 2,702,653 in children

Note * Cumulative for vaccine doses from Pfizer-BioNTech, Sinovac, AstraZeneca, CanSino and SinoPharm

Source * Summary Report on Adverse Events Following Immunisation of COVID-19 Vaccines in Malaysia (Data as of June 10, 2022)

TheStar graphics

For more on the effectiveness of Covid-19 vaccine boosters:
See StarHealth